



RALAT KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

Adalah dimaklumkan **terdapat ralat** pada kenyataan tawaran sebut harga bagi **Butiran Tawaran / Rujukan Sebut Harga kod kawasan kerja Rujukan Bil. 6 dan Bil 7.**

1. Tawaran adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia bertaraf **BUMIPUTERA** di bawah kod bidang **221002** yang masih sah dan dibenarkan membuat tawaran buat masa ini, mempunyai pengalaman, kewangan yang kukuh dan stabil serta peralatan dan kenderaan yang mencukupi bagi melaksanakan kerja-kerja berikut:-

BIL	BUTIRAN TAWARAN/ RUJUKAN SEBUT HARGA	KOD BIDANG	TARIKH DOKUMEN DIJUAL	TARIKH TUTUP DAN HANTAR BORANG	HARGA DOKUMEN SENASKAH (RM)
1.	Sebut Harga Kontrak Perkhidmatan Kerja-Kerja Pemotongan Rumput Kawasan Padang / Tanah Lapang Dan Kutipan Sampah Pukal Kawasan Zon 1 – Seri Manjung (Kawasan A) Untuk Majlis Perbandaran Manjung Bagi Tempoh 12 Bulan MPM JKPPB SH NO. 1 / 2020	221002	24 Januari 2020 hingga 05 Februari 2020	05 Februari 2020 jam 12.00 tengahari	RM30.00
2.	Sebut Harga Kontrak Perkhidmatan Kerja-Kerja Pemotongan Rumput Kawasan Padang / Tanah Lapang Dan Kutipan Sampah Pukal Kawasan Zon 1 – Lumut (Kawasan B) Untuk Majlis Perbandaran Manjung Bagi Tempoh 12 Bulan MPM JKPPB SH NO. 2 / 2020				
3.	Sebut Harga Kontrak Perkhidmatan Kerja-Kerja Pemotongan Rumput Kawasan Padang / Tanah Lapang Dan Kutipan Sampah Pukal Kawasan Zon 2 – Sitiawan (Kawasan A) Untuk Majlis Perbandaran Manjung Bagi Tempoh 12 Bulan MPM JKPPB SH NO. 3 / 2020				
4.	Sebut Harga Kontrak Perkhidmatan Kerja-Kerja Pemotongan Rumput Kawasan Padang / Tanah Lapang Dan Kutipan Sampah Pukal Kawasan Zon 2 – Sitiawan (Kawasan B) Untuk Majlis Perbandaran Manjung Bagi Tempoh 12 Bulan MPM JKPPB SH NO. 4 / 2020				

BIL	BUTIRAN TAWARAN/ RUJUKAN SEBUT HARGA	KOD BIDANG	TARIKH DOKUMEN DIJUAL	TARIKH TUTUP DAN HANTAR BORANG	HARGA DOKUMEN SENASKAH (RM)
5.	Sebut Harga Kontrak Perkhidmatan Kerja-Kerja Pemotongan Rumput Kawasan Padang / Tanah Lapang Dan Kutipan Sampah Pukal Kawasan Zon 2 – Kg Koh (Kawasan C) Untuk Majlis Perbandaran Manjung Bagi Tempoh 12 Bulan MPM JKPPB SH NO. 5 / 2020	221002	24 Januari 2020 hingga 05 Februari 2020	05 Februari 2020 jam 12.00 tengahari	RM30.00
6.	Sebut Harga Kontrak Perkhidmatan Kerja-Kerja Pemotongan Rumput Kawasan Padang / Tanah Lapang Dan Kutipan Sampah Pukal Kawasan Zon 3 – Ayer Tawar (Kawasan A) Untuk Majlis Perbandaran Manjung Bagi Tempoh 12 Bulan MPM JKPPB SH NO. 6 / 2020				
7.	Sebut Harga Kontrak Perkhidmatan Kerja-Kerja Pemotongan Rumput Kawasan Padang / Tanah Lapang Dan Kutipan Sampah Pukal Kawasan Zon 3 – Pantai Remis dan Beruas (Kawasan B) Untuk Majlis Perbandaran Manjung Bagi Tempoh 12 Bulan MPM JKPPB SH NO. 7 / 2020				

2. Dokumen Sebut Harga boleh disemak dan dibeli dengan bayaran wang tunai di **Kaunter Perkhidmatan Pelanggan, Majlis Perbandaran Manjung, Jalan Pinang Raja, 32040 Seri Manjung, Perak Darul Ridzuan** mulai **24 Januari 2020** sehingga **05 Februari 2020** mengikut waktu berikut:

HARI	WAKTU OPERASI KAUNTER PERKHIDMATAN PELANGGAN, MPM	
ISNIN-KHAMIS	8.15 pagi – 1.00 petang	2.15 petang – 4.15 petang
JUMAAT	8.15 pagi – 12.00 tengahari	2.45 petang – 4.15 petang

Dokumen Sebut Harga tidak akan dijual atau dikeluarkan selepas tempoh di atas.

3. Berikut adalah aturcara/jadual yang perlu dipatuhi.

TARIKH	MASA	SESI	TEMPAT
24 Januari 2020 (Jumaat)	8.30 pagi – 10.00 pagi	Pendaftaran	Tingkat 1, Dewan Anjung Perdana, Majlis Perbandaran Manjung, 32040 Seri Manjung, PERAK.
	10.00 pagi – 12.00 tengahari	Taklimat	

4. **Kehadiran taklimat** adalah **diwajibkan** bagi kontraktor yang ingin memasuki sebut harga ini (wakil tidak dibenarkan). Dokumen Sebut Harga hanya akan dikeluarkan kepada kontraktor **yang hadir** pada **sesi taklimat** sahaja. Kontraktor adalah dinasihatkan membuat lawatan bersama Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran / Pembantu Kesihatan Awam ke tapak kawasan kerja bagi sebut harga yang ingin ditawarkan bagi memastikan nilai kerja yang ditawarkan bersesuaian dan kompetitif. Harga tawaran adalah muktamad.
5. Semasa **pendaftaran taklimat** dan **pembelian Dokumen Sebut Harga**, Penyebut Harga hendaklah mengemukakan **SIJIL ASAL** (untuk pengesahan) dan **SALINAN FOTOSTAT sebanyak dua (2) salinan** (tidak dikembalikan) dokumen-dokumen berikut bersama **CAP SYARIKAT**:
 - a. Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat dari Kementerian Kewangan yang lengkap menyatakan Kod Bidang berkaitan serta masih berkuatkuasa;
 - b. Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputera dari Kementerian Kewangan yang masih berkuatkuasa; dan
 - c. Salinan Perakuan Pendaftaran Borang D (Perakuan Pendaftaran) atau Borang E (Perakuan Pembaharuan Pendaftaran), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) bagi Syarikat Enterprise; lengkap bersama senarai nama pemilik.
6. Sebelum pembelian Dokumen Sebut Harga dilakukan, kontraktor yang belum mendaftar dengan Majlis Perbandaran Manjung dikehendaki mendaftar terlebih dahulu di **Kaunter Perkhidmatan Pelanggan, Majlis Perbandaran Manjung**. Kontraktor yang tidak mendaftar dengan Majlis Perbandaran Manjung, tidak dibenarkan untuk membeli Dokumen Sebut Harga. Kontraktor dinasihatkan untuk membuat pendaftaran lebih awal iaitu sebelum Tarikh Mula Penjualan Dokumen Sebut Harga untuk mengelakkan kelewatan pembelian dan penghantaran Dokumen Sebut Harga.
7. Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang disediakan di **Kaunter Perkhidmatan Pelanggan, Majlis Perbandaran Manjung, Jalan Pinang Raja, 32040 Seri Manjung, Perak pada atau sebelum jam 12.00 tengahari pada 05 Februari 2020**. Dokumen tawaran yang diterima selepas masa yang ditetapkan atau yang tidak lengkap akan ditolak.
8. Bayaran dokumen tidak akan dikembalikan.
9. Majlis Perbandaran Manjung tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran.

**Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Manjung,
Jalan Pinang Raja,
32040 Seri Manjung,
PERAK DARUL RIDZUAN.**